

15 MAR 2000

Muhyiddin-Umno

PEMILIHAN UMNO: MUHYIDDIN AKUR NASIHAT PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Dilemma "sekatan nama" yang dihadapi oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin akhirnya selesai hari ini selepas Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan agar isu itu tidak lagi digamat atau diperbesarkan.

Dalam pertemuan mereka di Putrajaya selepas mesyuarat Jemaah Menteri tengah hari ini, Muhyiddin menyatakan kesediaan orang-orang yang sanggup melaporkan arahan "sekatan nama" itu secara rahsia kepada Dr Mahathir.

"Bagaimanapun Perdana Menteri memberitahu, tak payahlah...dah cukuplah dengan apa yang disampaikan kepada saya," kata Muhyiddin dalam satu sidang berita di sini, hari ini.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, Dr Mahathir memberitahunya : "Kalau boleh perkara ini kita nak reda".

Nasihat PM bertujuan memelihara perpaduan dan keutuhan Umno dan elakkan perpecahan, kata Muhyiddin, yang juga ketua Umno bahagian Pagoh.

Walaupun isu "dakwaan namanya disekat" telah selesai dengan pertemuan itu hari ini, Muhyiddin masih berharap agar isu sistem pencalonan baru ini diperdebatkan semasa persidangan Umno untuk melihat akibat-akibat yang timbul daripadanya.

Kata Muhyiddin, maklum balas daripada banyak anggota Umno menyatakan bahawa sistem ini tidak mewujudkan keharmonian kerana jumlah pencalonan lebih dipentingkan.

Sistem ini juga mewujudkan ketidakseimbangan kerana kekuatan pertandingan tidak saksama disebabkan mereka yang berada dalam badan perhubungan boleh mempengaruhi bahagian.

Peraturan baru yang diperkenalkan untuk mencegah politik wang itu mewajibkan semua calon mendapat sekurang-kurangnya pencalonan daripada 17 bahagian atau 10 peratus sokongan untuk melayakkan diri bertanding bagi jawatan Naib Presiden parti.

Ketika ditanya mengenai risiko yang bakal ditanggung akibat pendedahan beraninya itu, Muhyiddin menjawab : "Saya berani kerana rasa tanggungjawab untuk melihat Melayu kembali percaya kepada prinsip ketelusan dan demokrasi Umno".

Beliau juga bersetuju kemungkinan pendedahan yang dibuatnya akan merenggangkan hubungannya dengan bahagian-bahagian Umno Johor tetapi beliau tidak mahu memikirkan faktor popular, sokongan, kalah atau menang kerana kepincangan itu harus didedahkan.

-- BERNAMA

SLR PR